

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[SELAYANG]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menangani penyalahgunaan Permit Kelulusan (AP) mengimport kubis yang menimbulkan isu persaingan menyebabkan harga sayur meningkat dan kelemahan persaingan 5 jenis makanan yang dinyatakan dalam Kajian Pasaran Sektor Makanan 2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Kubis bulat merupakan antara 5 jenis keluaran pertanian yang dikenakan kawalan import di mana kelulusan kuota import AP diluluskan berdasarkan Perintah Duti Kastam 2017. MOA telah dan sentiasa melaksanakan langkah secara berterusan untuk meningkatkan ketelusan dan tadbir urus yang baik (*transparency and good governance*) dalam pentadbiran AP. Antara inisiatif yang telah diambil seperti berikut:

- (i) langkah pemutihan yang mengenalpasti syarikat-syarikat yang tidak diperbaharui AP mereka berikutan tidak mencapai prestasi yang ditetapkan;
- (ii) penambahbaikan *Standard Operating Procedure* (SOP) sedia ada; dan

### SOALAN NO : 3

- (iii) pelaksanaan *Government Integrity and Anti-Corruption Commission* (GIACC) untuk mengekang pihak ketiga dalam rangkaian pembekalan kubis;

2. MOA telah mengenal pasti perubahan harga sayur berlaku pada masa-masa tertentu sahaja akibat faktor di luar kawalan iaitu:

- (i) perubahan musim penanaman negara pengeluar di antara bulan Mei hingga Julai;
- (ii) kadar tukaran mata wang USD-MYR yang mengalami peningkatan ketara dalam tempoh tersebut memberi impak kepada kos perdagangan import eksport; dan
- (iii) peningkatan dalam kadar permintaan pada musim-musim perayaan.

3. Bagi isu bekalan daging, MOA telah melaksanakan langkah berikut:

- (i) membuka ruang untuk pengimportan daging dari beberapa negara lain termasuk Amerika Syarikat, Pakistan, Brazil dan New Zealand;
- (ii) menyediakan maklumat berkaitan 56 *abattoir* di seluruh dunia yang boleh membekalkan daging ke Malaysia;
- (iii) memaklumkan bahawa semua syarikat yang layak boleh memohon untuk mengimport daging dari mana-mana negara sumber, tertakluk kepada syarat sanitari dan phytosanitari (SPS) dan garis panduan antarabangsa seperti *World Organisation for Animal Health* (OIE), keselamatan makanan juga berpandukan kepada Garis Panduan Codex dan Malaysia Standard MS 1480:2007, MS 1514:2009 serta MS 1500:2009 (Halal) yang dipersetujui oleh kedua-dua negara; dan

### SOALAN NO : 3

- (iv) sedang dalam proses untuk meminda Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) bertujuan untuk memperluaskan fungsi dan bidangkuasa kuasa MAQIS. Perluasan kuasa ini tidak akan menghadkan kuasa MAQIS kepada pintu masuk sahaja tetapi juga diluar pintu masuk, pusat dan stesyen kuarantin.

4. Bagi sayur sawi dan ikan kembung, kajian dilihat lebih tertumpu kepada isu ketidakstabilan harga pasaran yang disebabkan oleh orang tengah. Orang tengah telah mengaut keuntungan yang melampau serta mempunyai banyak lapisan di pelbagai peringkat. Antara langkah yang telah diambil bagi mengurangkan lapisan Orang Tengah adalah seperti pelaksanaan program Ikan Segar Beku Qfish dan galakan kepada ternakan ikan akuakultur untuk memberi alternatif kepada pasaran seterusnya pengguna boleh membeli pada harga yang lebih berpatutan.

5. MOA sedang menyediakan satu kajian susulan untuk mengenal pasti langkah-langkah terbaik yang boleh diambil oleh Kerajaan bagi menangani isu kecekapan keseluruhan rangkaian pemasaran makanan termasuk kajian ke atas rangkaian pemasaran input pertanian.

Sekian, terima kasih.